

RASUAH DALAM JENAYAH KOLAR PUTIH : SATU SOROTAN LITERATUR

CORRUPTION IN WHITE COLLAR CRIME : A LITERATURE REVIEW

ⁱNik Nur Afiqah Nek Mustafa, ⁱⁱNur Aina Abdulah

ⁱ Pelajar Siswazah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.

ⁱⁱPensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.

*(Corresponding Author): nuraina.abdulah@usim.edu.my

ABSTRAK

Jenayah kolar putih merupakan jenayah yang dilakukan oleh golongan atasan yang berjawatan tinggi dan berkedudukan tinggi dalam masyarakat. Secara umumnya, jenayah kolar putih terdiri daripada jenayah rasuah, penyelewengan wang dan pecah amanah. Walau bagaimanapun, dari segi kajian ilmiah, jenayah kolar putih ini terutamanya rasuah kurang diberi perhatian disebabkan ia adalah isu yang sensitif dan sukar mendapatkan maklumat terperinci. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti literatur atau kajian terdahulu yang telah dilakukan dari segi definisi rasuah, jenis-jenis dan bentuk rasuah, gejala dan faktor berlakunya jenayah rasuah serta cabaran yang dihadapi dalam usaha menangani jenayah rasuah di Malaysia. Kajian ini merupakan kualitatif dengan menggunakan kaedah analisa dokumen. Hasil kajian mendapati kajian mengenai keberkesanan undang-undang rasuah masih kurang dijalankan. Oleh itu, kajian lanjut mengenai keberkesanan penguatkuasaan undang-undang rasuah di Malaysia adalah perlu dilakukan untuk mengkaji tahap keberkesanan undang-undang tersebut.

Kata Kunci: golongan atasan, jenayah kolar putih, keberkesanan, rasuah, undang-undang

ABSTRACT

The white collar crime is a crime committed by the upper class who have a high position in society. In general, white collar crime consists of corruption, embezzlement and breach of trust. However, in terms of scientific research, this white-collar crime, especially corruption, receives less attention because it is a sensitive issue and difficult to get detailed information. Therefore, the purpose of this study is to identify the literature or previous studies that have been done in terms of the definition of corruption, the types and forms of corruption, the symptoms and factors of the occurrence of corruption crimes as well as the challenges faced in dealing with corruption crimes in Malaysia. This is a qualitative study by using the document analysis method. The results of the study found that research on the effectiveness of corruption laws is still under-conducted. Therefore, further research on the effectiveness of corruption law enforcement in Malaysia is necessary to study in depth.

Keywords: corruption, efficiency, law, upper class, white collar crime

PENDAHULUAN

Pada zaman pascakemerdekaan ini, jenayah kolar putih terutamanya rasuah sudah menjadi satu penyakit yang merebak dalam kalangan individu yang memegang jawatan tinggi dalam sesebuah organisasi. Walaubagaimanapun, golongan bawahan adalah tidak terkecuali terlibat dalam jenayah kolar putih ini. Istilah jenayah kolar putih telah dicipta dan diperkenalkan oleh Sutherland (1949:9), yang mana beliau telah mendefinisikan jenayah kolar putih sebagai jenayah yang dilakukan oleh seseorang yang dihormati dan mempunyai status sosial yang tinggi di dalam pekerjaannya. Muatakhir ini, jenayah kolar

putih yang banyak berlaku adalah berkaitan dengan rasuah. Secara umumnya, jenayah rasuah akan melibatkan dua pihak iaitu golongan penerima dan pemberi rasuah.

Kesalahan melakukan rasuah tertakluk di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694). Berdasarkan Seksyen 3(a) dan Seksyen 3(f) dalam akta tersebut, rasuah atau suapan ditafsirkan seperti berikut: wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tidak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain dan apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi. Kebiasaannya, jenayah rasuah berlaku disebabkan oleh beberapa faktor. Biarpun terdapat undang-undang yang digubal untuk membendung jenayah rasuah, namun jenayah rasuah semakin meningkat tahun demi tahun malah hari demi hari tanpa kawalan yang sistematik. Izawati Wook, Arif Fahmi Md Yusof & Hasnah Hj. Haron (2022) mendapati bahawa sektor pentadbiran awam di Malaysia yang berpotensi tinggi untuk melakukan jenayah rasuah adalah sektor penguatkuasaan undang-undang. Kelemahan pengurusan organisasi juga merupakan faktor utama yang menyebabkan jenayah rasuah berlaku (Izawati Wook, 2022).

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji dan menganalisis liteartur atau kajian lepas berkaitan dengan jenayah kolar putih, terutamanya mengenai jenayah rasuah. Ia termasuklah dari segi definisi, jenis-jenis dan bentuk rasuah, gejala, faktor serta cabaran yang dihadapi dalam usaha menangani jenayah rasuah di Malaysia.

METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian bersifat kualitatif dengan kaedah menggunakan kaedah pengumpulan data melalui analisis dokumen. Ia melibatkan kitab-kitab turath sebagai rujukan utama untuk mendapatkan penjelasan jenayah rasuah sudut syariah. Selain itu, sumber dokumen lain adalah jurnal, artikel, kertas persidangan dan seminar, kertas penyelidikan, tesis serta buku. Data seterusnya dianalisis mengikut tematik untuk mendapatkan hasil yang lebih jelas dan berfokus.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Definisi Rasuah

Dasawarsa ini, jenayah rasuah semakin berleluasa dalam masyarakat di Malaysia dan ia seringkali menjadi jenayah yang meningkat naik tanpa kawalan yang sistematik. Secara umumnya, rasuah menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah pemberian menumbuk rusuk iaitu menyogok, menyuap, sogok, suap (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Kalimah rasuah juga merupakan kalimah yang berasal daripada kalimat *rasya* yang bererti tali timba yang digunakan untuk mengambil air perigi (al-Bustamami, 2006). Yusuf al-Qardhawi pula menyatakan bahawa rasuah membawa maksud memberikan wang kepada penguasa atau petugas, supaya penguasa atau petugas tersebut memenangkan hukum untuknya dengan mengalahkan pihak lawan, atau supaya mendahulukan urusannya atau melambatkan (Qaradhawi, 2007). Rasuah juga dikenalpasti sebagai suatu pemberian atau hadiah. Namun begitu, perbezaan antara rasuah dan hadiah ialah, hadiah kemungkinan diberikan kepada seseorang atas rasa keikhlasan yang tulus. Makala, rasuah pula merupakan ganjaran sesuatu ataupun mengharapkan ganjaran tertentu daripada sesuatu pemberian (Nur Syakiran Akmal Ismail, Md Zawawi Abu Bakar, 2004). Rasuah juga membawa maksud sesuatu yang menghubungkan kepada hajat yang dilarang (al-Sally, 2015).

Selain itu, rasuah juga didefinisikan sebagai pemberian kepada seseorang untuk membenarkan perbuatan merampas hak orang lain bagi mendapatkan keuntungan peribadi. Rasuah ialah imbalan yang diambil seseorang atas perbuatannya yang menyalahi kebenaran dan membenarkan perbuatan untuk merampas hak orang lain (Afriadi Sanusi, Sharifah Hayaati Syed Ismail, 2016). Sebagai contoh,

seseorang hakim tidak memberikan hak kepada orang yang berhak dan tidak berusaha menyelesaikannya sehingga dia diberi rasuah (S, 1998). Rasuah juga merupakan harta yang diperolehi kerana terselesainya suatu kepentingan manusia (baik untuk memperolehi keuntungan mahupun untuk menghindari kemudharatan) yang sepatutnya wajib diselesaikan tanpa imbalan (Zaharuddin A, 2008). Selain itu, rasuah juga didefinisikan sebagai satu tindakan pemerasan yang dilakukan oleh seseorang dengan tujuan untuk mendapatkan pertolongan dan faedah dirinya sendiri. Hal ini berlaku disebabkan apabila melalui prosedur-prosedur biasa, dia tidak akan memperoleh apa-apa yang dikehendakinya itu (Mohammad. Taqiuddin bin Mohamad, Mohd. Hafiz bin Abdul Wahab, 2008). Rasuah juga merupakan lanjutan daripada amalan yang mengandungi perbuatan lain iaitu kuasa keinginan lain dalam sektor awam (Ng, 2006). Kebanyakan kajian turut menyatakan bahawa rasuah dikenalpasti sebagai penyakit kakitangan awam demi kekayaan diri sendiri dan ianya dijadikan sebagai jalan pintas untuk mendapatkan kehidupan senang tanpa memikirkan kesan buruk yang akan berlaku kepada diri mereka. Ini kerana kebiasannya orang yang melakukan budaya ini tidak memikirkan kesan buruk yang akan terjadi, sebaliknya mereka hanya memikirkan keuntungan kepada diri mereka (Yahya, 2008).

Dalam pada itu, perkataan rasuah juga didapati sebagai suatu konsep yang kompleks (Azrae, A. N., Megat Latif, H. H. & Mohamed, K., 2018). Hal ini disebabkan oleh sehingga kini, belum ada satu definisi seragam yang diterima secara universal tentang konsep rasuah (Kronqvist, C., Runesson, H., dan Sorgard, J., 2018). Sementara itu, definisi rasuah juga didapati tidak seragam dan berlainan di antara satu sama lain. Hal ini dikatakan demikian kerana definisi bagi perkataan rasuah bersifat terlalu umum, belingkar-lingkar dan berbentuk sinonim yang mana ianya berlaku disebabkan oleh kajian mengenai rasuah yang dijalankan selama ini hanya tertumpu kepada bidang sosiologi dan didapati tiada kerjasama antara ahli sosiologi dan para linguistik (Nor Hashimah Jalaluddin, Rozaimah Rashidin, 2008).

Selain dari itu, definisi rasuah menurut Islam juga turut dibincangkan dengan meluas oleh ahli akademik dan juga dalam kalangan para ulama. Beberapa ulama telah mendefinisikan rasuah dengan pelbagai definisi yang terdiri daripada pemberian kepada pemerintah atau orang lain dengan tujuan untuk mendapatkan sokongan undang-undang atau mencapai sesuatu tujuan dengan cara yang salah (al-Muqri, t.t). Selain itu, menurut pandangan mazhab Syafie dan mazhab Hanbali, rasuah merupakan sesuatu yang diberikan kepada hakim supaya mengubah keputusan kehakimannya (Al-Suyutiyy, t.th). Manakala, menurut mazhab Hanafi, rasuah merupakan sesuatu yang diberikan seseorang kepada pemerintah atau hakim atau sesiapa sahaja yang seumpamanya dengannya atas tujuan mengubah keputusan perbicaraan atau mengikut kehendaknya (Al-Suyutiyy, t.th). Mazhab Maliki pula mendefinisikan rasuah dengan lebih umum, iaitu sesuatu yang diberikan oleh sesiapa sahaja kepada seseorang yang lain untuk menafikan hak orang lain (Al-Rahuniyy, t.th.). Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya, dalam agama Islam, perbuatan rasuah merupakan jenayah yang telah diharamkan sejak dahulu lagi dan boleh menyebabkan seseorang individu terjerumus di dalam dosa. Bahkan agama Islam sendiri telah menolak sekeras-kerasnya amalan memberi dan menerima rasuah serta bersungguh-sungguh melarang umatnya daripada terjerumus ke dalam dosa (Azman Ab Rahman, Lutfi Mohamed Zain, dll, 2022). Pengharaman rasuah antaranya seperti yang di dalam Surah al-Maidah, ayat 42:

سَمَاعُونَ لِلْكَذِبِ أَكَّالُونَ لِلسُّخْتِ

Maksudnya: Mereka sangat suka mendengar berita-berita dusta, sangat suka memakan segala yang haram (rasuah dan sebagainya).

Selain itu, Allah SWT turut menyatakan tentang pengharaman rasuah di dalam Surah al-Baqarah, ayat 188 :

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: "Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)."

Begitu juga pengharaman rasuah terdapat dalam hadis Rasulullah SAW yang menyebut tentang laknat kepada pemberi dan penerima rasuah:

لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الرَّاشِي وَالْمُرْتَشِي

Maksudnya: "Laknat Allah kepada pemberi rasuah dan penerima rasuah."

Riwayat Ahmad (6984) dan Ibnu Majah (2313)

Berdasarkan kepada ayat al-Quran dan Hadith di atas, Allah SWT telah memberikan peringatan bahawa perbuatan memberi dan menerima rasuah dalam kalangan manusia adalah merupakan sesuatu yang haram. Begitu juga dengan Hadith yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW, yang mana Baginda sendiri melaknat pemberi dan penerima rasuah. Hal ini disebabkan oleh, rasuah boleh mendatangkan pelbagai kesan buruk terhadap diri seseorang individu, ahli keluarga, masyarakat dan negara. Malah, rasuah juga boleh mengakibatkan wujudnya sebuah situasi di mana golongan kaya semakin bertambah kaya serta golongan miskin semakin bertambah miskin (Noraida Harun, Jady@Zaidi Hassim, 2017). Konklusinya, rasuah sememangnya merupakan satu perbuatan yang haram dan tidak boleh diterima dalam agama Islam.

Jenis-Jenis Rasuah

Menurut Mohamad Ezam Mohd Nor & Sapto Waluyo (2015), jenis-jenis rasuah boleh dibahagikan kepada dua jenis mengikut kepada cara seseorang mendapatkan keuntungan peribadi, iaitu rasuah aktif dan rasuah pasif. Antara rasuah aktif adalah seperti berikut:

- (1) Memberikan sesuatu (hadiah) atau janji kepada sesiapa dengan maksud supaya berbuat atau berbuat sesuatu yang bertentangan dengan kewajibannya;
- (2) Memberikan atau menjanjikan sesuatu kepada hakim dengan maksud untuk mempengaruhi keputusan perkara yang diserahkan kepadanya untuk diadili;
- (3) Menggelapkan wang atau surah berharga yang disimpan atau membiarkan wang atau surah berharga iaitu diambil atau digelapkan oleh orang lain atau membantu melakukan perbuatan tersebut;
- (4) Memalsu buku-buku atau daftar-daftar yang khusus untuk pemeriksaan pentadbiran;
- (5) Menggelapkan, merosakkan dan menghancurkan barang, akta, surah, dan daftar yang digunakan untuk meyakinkan atau membuktikan di muka pegawai yang bertanggungjawab atau membiarkan orang lain melakukan perbuatan tersebut;
- (6) Melakukan perbuatan curang atau membiarkan orang lain berbuat curang dalam projek pembangunan yang ditanganinya;
- (7) Menyalahgunakan kekuasaannya dengan memaksa seseorang sesuatu atau memotong pembayaran;
- (8) Memanfaatkan kepercayaan, kesempatan, atau sarana yang ada padanya di luar ketentuan

- (9) Memungut wang tambahan di luar biaya rasmi dalam ketika bertugas; dan
Memberikan sesuatu dalam rangka meraih kedudukan atau jabatan strategik

Manakala, rasuah pasif pula adalah seperti berikut :

- (1) Menerima sesuatu (hadiah atau janji) kerana berbuat atau tidak berbuat sesuatu dalam jabatannya yang bertentangan dengan kewajibannya;
- (2) Hakim yang menerima sesuatu (hadiah atau janji) untuk mempengaruhi keputusan perkara yang diserahkan kepadanya;
- (3) Penguatkuasa yang menerima sesuatu untuk menutup tindakan jenayah yang seharusnya disiasat atau dihukum;
- (4) Menerima sesuatu untuk mendukung seseorang meraih tujuan dan kepentingannya dalam menduduki jabatan strategik dalam jabatan atau memenangkan golongan atau partinya (Mohamad Ezam Mohd Nor, Sapto Waluyo, 2015).

Pada waktu yang sama, Dato' Ahmad Zaki Hj.Husin (2001) turut menyenaraikan bentuk kesalahan rasuah yang boleh berlaku. Beliau memperincikan bentuk kesalahan rasuah ke dalam tiga kategori iaitu (Husin, 2001):

(a) Menerima dan Memberi Sogokan dalam bentuk spontan atau terancang

- (i) Sogokan secara spontan ini boleh berlaku apabila melibatkan orang yang tidak mengenali antara satu sama lain dan biasanya berlaku tanpa dirancang.
- (ii) Sogokan dalam bentuk terancang pula berlaku setelah ada persetujuan bersama. Kebiasaannya, pemberi dan penerima rasuah sudah mengenali antara satu sama lain. Perbuatan jenayah rasuah tersebut telah dirancang terlebih dahulu untuk mengelakkannya dari dikesan oleh orang lain. Rasuah dalam kategori ini kebanyakannya melibatkan kelulusan terhadap sesuatu permohonan, tender, perolehan dan sebagainya dan bentuk serta jumlah pembayarannya pula tidak tetap serta mengikut keperluan si penerima dan kadangkala mengikut peratusan tertentu.

(b) Menyalahgunakan Kuasa atau Kedudukan

Kesalahan menyalahgunakan kuasa ini kebanyakannya dilakukan oleh Anggota Pentadbiran, Ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri juga pegawai awam. Kesalahan seperti ini diperuntukkan di bawah Seksyen 15 APR 1997, iaitu kerana menggunakan kedudukan awamnya bagi mendapatkan suapan, seperti yang ditafsirkan dalam Seksyen 2 Akta tersebut. Seksyen 15 tersebut sebenarnya diubahsuai daripada Seksyen 2 Ordinan Darurat No. 22 (1970) yang masih lagi terpakai. Menurut Ordinan 22, seseorang itu didapati bersalah jika terlibat dengan *corrupt practice*. *Corrupt practice* bermaksud menggunakan kedudukannya untuk faedah kewangan atau faedah-faedah lain bagi diri sendiri, saudara mara atau sahabat handainya.

(c) Mengemukakan Dokumen Palsu

Kesalahan ini adalah seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 11(c) APR 1997. Seksyen ini bermaksud, mana-mana orang memberi suatu dokumen yang diketahuinya mengandungi butiran palsu dengan tujuan untuk mengelirukan prinsipalnya.



Rasuah Dalam Jenayah Kolar Putih

Jenayah merupakan suatu fenomena yang melanda kebanyakan negara di dunia dan tidak terkecuali negara Malaysia. Peningkatan bilangan jenayah di Malaysia juga semakin meningkat hari demi hari.

Antara jenayah yang sering berlaku di Malaysia adalah ragut, rogol dan cabul, pecah rumah, curi kenderaan, buli, gengsterisme, penderaan, penyalahgunaan dadah dan lari dari rumah yang turut melibatkan remaja. Berdasarkan satu kajian yang dijalankan, jenayah merupakan permasalahan sosial yang sering melanda kebanyakan bandar-bandar di dunia sejak lebih daripada 20 tahun (Yuen, 2004). Sejak dari dahulu, jenayah-jenayah seperti ini sering mendapat perhatian media dan dibincangkan disebabkan statistiknya yang sering meningkat naik dari semasa ke semasa.

Namun begitu, dalam meniti arus kemodenan ini, jenayah kolar putih turut meningkat naik. Umum mengetahui bahawa jenayah kolar putih merupakan jenayah yang dilakukan oleh seseorang yang berpengaruh dan mempunyai status sosial yang tinggi di dalam pekerjaannya. Seperti yang diketahui, lazimnya ungkapan seseorang yang berpengaruh dan mempunyai kedudukan status sosial yang tinggi sering dikaitkan dengan seseorang yang memegang jawatan tertinggi di tempat kerja misalnya Pengurus, Penyelia dan Ketua Unit. Individu yang memegang jawatan tertinggi ini bukan hanya bertanggungjawab untuk menyelia pekerja-pekerja di bawah seliaannya malahan mereka juga memegang tanggungjawab untuk menjadi teladan kepada pekerja-pekerja di bawah penyeliaan mereka dengan mengamalkan gaya hidup yang beretika.. Hal ini dikatakan demikian kerana nilai kebertanggungjawaban seorang pemimpin merupakan elemen penting yang sepatutnya diterapkan secara total kepada generasi muda melalui pendekatan holistik (Rafizul Rozlee, Noor Azmi Mohd Zainol, Daud Mohamed Salleh dll, 2020). Ini kerana, pemimpin masa hadapan bukan sahaja perlu memiliki kemahiran dan pengetahuan baru, tetapi juga perlu menunjukkan tahap kebijaksanaan emosi, spiritual dan kematangan yang tinggi (Astin, A. W. & Astin, H.S., 2000). Walau bagaimanapun, pada era globalisasi ini, rata-rata pemimpin yang diharapkan ini telah mula terlibat dalam jenayah kolar putih yang mana ianya telah memberikan kesan yang besar terhadap pengurusan kepimpinan mereka.

Hal ini tercetus apabila, pada tahun 2018, sebuah firma audit yang bernama *PricewaterhouseCoopers* telah mengendalikan satu ujikaji yang melibatkan 124 responden yang terdiri daripada 19 industri yang melibatkan 4% organisasi kerajaan. Hasil kajian tersebut telah mendapati bahawa terdapatnya peningkatan dalam indeks jenayah kolar putih yang berlaku di Malaysia serta kajian tersebut mendapati bahawa sebanyak 32% daripada kes salah laku atau penipuan yang dialami oleh syarikat perniagaan di Malaysia dilakukan oleh ahli pengurusan kanan yang melibatkan pelbagai salah laku termasuk salah laku perniagaan, penyelewengan aset, rasuah dan korupsi (Rafizul Rozlee, Noor Azmi Mohd Zainol, Daud Mohamed Salleh dll, 2020). Kajian tersebut juga boleh dilihat sebagai salah satu penyumbang kepada berlakunya peningkatan angka jenayah di Malaysia. Malah, jenayah yang boleh dikatakan sebagai penyumbang kepada peningkatan jenayah kolar putih ini adalah rasuah atau korupsi. Keadaan ini dapat dibuktikan berdasarkan statistik tangkapan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada bulan Disember 2022 sehingga Januari 2023. Data statistik tangkapan tersebut menunjukkan bahawa tangkapan yang dijalankan ke atas penjawat awam dan orang awam yang melakukan rasuah boleh dikatakan meningkat terutamanya dalam kalangan penjawat awam.



Sumber : Laman sesawang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Berdasarkan kepada jumlah statistik tangkapan di atas, dapat disimpulkan bahawa peratus bagi tangkapan untuk jenayah rasuah bagi bulan Disember pada tahun 2022 ialah sebanyak 27.27% dalam kalangan penjawat awam dan sebanyak 72.73% bagi orang awam. Manakala bagi bulan Januari tahun 2023 pula, jumlah statistik tangkapan bagi penjawat awam adalah sebanyak 28.57% serta sebanyak 71.43% dalam kalangan orang awam. Justeru itu, ini menunjukkan bahawa biarpun jumlah peratusan dalam kalangan orang awam dilihat menunjukkan penurunan, namun, jumlah peratusan dalam kalangan penjawat awam tetap menunjukkan peningkatan yang ketara biarpun telah memasuki tahun baharu. Selain itu, gejala rasuah atau korupsi ini sememangnya telah diketahui sebagai jenayah yang kebiasaannya melibatkan golongan kolar putih dan ia juga dilihat sebagai satu perkara yang jijik dan tidak boleh diterima oleh masyarakat (Yusof, 2014).

Dari sudut lain, Syed Hussein Al-Attas mendefinisikan rasuah sebagai penyalahgunaan kepercayaan untuk kepentingan peribadi. Beliau turut mengatakan bahawa ciri-ciri rasuah ialah pengkhianatan terhadap kepercayaan, penipuan terhadap badan pemerintah, lembaga swasta atau masyarakat umum, dengan sengaja melalaikan kepentingan umum untuk kepentingan khusus, dilakukan dengan rahsia kecuali dalam keadaan di mana orang-orang yang berkuasa atau bawahannya menganggap tidak perlu, melibatkan lebih dari satu orang atau pihak dan terpusatnya kegiatan (rasuah) pada mereka yang mengkehendaki keputusan yang pasti dan mereka yang dapat mempengaruhinya dan usaha untuk menutup perbuatan rasuah tersebut (Al-Attas, 2002).

Di samping itu, rasuah secara am adalah berbeza dengan rasuah politik. Rasuah secara am adalah merupakan rasuah yang melibatkan kebanyakan orang awam, penjawat awam serta tidak terkecuali juga pekerja swasta. Manakala rasuah politik pula melibatkan ahli politik yang ingin mendapatkan akses istimewa mereka sama ada dalam sektor awam atau sektor swasta. Menurut Heywood (1997), definisi bagi rasuah politik adalah berbeza dan juga berubah-ubah mengikut sistem politik yang berlaku di setiap negara (Heywood, 1997).

Faktor Berlaku Jenayah Rasuah

Terdapat banyak faktor yang boleh menyebabkan berlakunya jenayah rasuah. Faktor ini kebanyakannya boleh dikatakan berpunca daripada niat awal seseorang individu untuk melakukan jenayah tersebut. Enida (2019) mendapati bahawa antara sebab dalaman yang menyebabkan berlakunya jenayah rasuah adalah disebabkan oleh sikap mengabaikan nilai dan tuntutan agama, mementingkan diri, menginginkan kehidupan mewah yang melebihi kemampuan diri dan tamak (Daud, 2019). Syakiran & Zawawi (2004) mengatakan bahawa antara faktor berlakunya rasuah ialah mendapat jumlah gaji yang rendah, peluang dan penyumbang untuk melakukan rasuah, birokrasi dan dasar bagi sesetengah negara yang kurang menitikberatkan undang-undang mengenai rasuah (Nur Syakiran Akmal Ismail, Md Zawawi Abu Bakar, 2004). Namun begitu, kebanyakan kajian yang dijalankan hanya menunjukkan bahawa faktor berlakunya jenayah rasuah adalah disebabkan oleh sikap individu yang ingin hidup dalam kemewahan yang mana kebanyakannya ianya melibatkan individu yang berpangkat ahli politik. Hal ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Hairuzzaki (2014) yang mana kajian tersebut dijalankan dengan menggunakan kaedah pendekatan kualitatif dengan menganalisa enam fail kes siasatan rasuah yang melibatkan tokoh-tokoh ahli politik terkenal tanah air (Yusof, 2014).

Selain itu, antara faktor lain yang menjadi penyebab berlakunya rasuah adalah kerana wujudnya peluang, kelemahan peribadi, kurangnya didikan agama, integriti rendah, tekanan kewangan, gaji yang rendah, dan bebanan kerja (Azman Ab Rahman, Lutfi Mohamed Zain, dll, 2022). Gejala rasuah juga merupakan perbuatan yang melanggar etika seseorang individu serta integriti dalam pekerjaan. Punca berlakunya perkara ini adalah disebabkan oleh tindakan tidak beretika tanpa sedar yang dilakukan (Mohamad Izzuan Mohd Ishar, Fatin Afiqah Md Azmi, dll, 2021). Tambahan pula, faktor ketirisan integriti dan organisasi yang tidak memastikan penyediaan prosedur kerja serta peraturan tidak jelas juga didapati menyumbang kepada jenayah rasuah ini (Megat Ayop, M.A., Abd. Halim, A., 2016). T. Munohsamy turut mendapati bahawa faktor berlakunya perlakuan yang menyebabkan pelanggaran integriti boleh dibahagikan kepada lima kategori, iaitu; budaya dan individu dalam sesebuah organisasi, struktur dan institusi, sistem dan prosedur serta faktor kepimpinan (Munohsamy, 2015). Amalan rasuah juga boleh berlaku disebabkan oleh kurangnya penghayatan terhadap nilai-nilai murni (Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy, 2009).

Rasuah juga berlaku berpunca daripada dua faktor iaitu keadaan semulajadi sesebuah negara dan keberkesanan pemimpin politik untuk membendung masalah tersebut (Quah, 1999). Selain itu, faktor ingin hidup mewah serta suka bermegah-megah juga merupakan antara faktor terjadinya jenayah rasuah (Mohammad. Taqiuddin bin Mohamad, Mohd. Hafiz bin Abdul Wahab, 2008). Noraida Harun & Jady @ Zaidi Hassim (2017) mengatakan bahawa kegiatan rasuah juga boleh berlaku semasa dalam sistem pengurusan di pejabat tanah. Antara faktor berlakunya rasuah semasa pengurusan di pejabat tanah adalah disebabkan oleh peluang, kelemahan sahsiah peribadi, karenah birokrasi, kelemahan

peraturan atau sistem pelaksanaan kerja serta permasalahan kenaikan kos sara hidup (Noraida Harun, Jady@Zaidi Hassim, 2017). Berdasarkan kenyataan tersebut, biarpun rasuah kebanyakannya juga berlaku semasa sistem pengurusan di pejabat-pejabat seperti pejabat tanah, ianya juga boleh dikatakan sebagai punca berlakunya gejala rasuah di dalam organisasi yang lebih besar yang menyebabkan gejala rasuah yang melibatkan golongan atasan semakin meningkat hari demi hari. Seterusnya, menurut Sarah Dina & Mohd Adib (2013), rasuah terjadi disebabkan oleh budaya di Malaysia yang mengamalkan tradisi memberi hadiah sempena sambutan hari lahir serta hari perayaan dan sebagainya yang mana hari-hari tersebut membuka peluang kepada perasuah dan penerima rasuah, selain daripada faktor modenisasi, birokrasi dan politik. Keadaan ini bertambah buruk dengan slogan dari teori "Technique of Neutralization" yang diperkenalkan oleh Grisham Sykes dan David Matza, iaitu; "Lakukan rasuah secara rahsia asalkan tiada siapa yang tahu". Teori ini menghuraikan tentang sikap sesetengah individu yang memilih untuk tetap melakukan rasuah demi kepentingan diri mereka sendiri biarpun mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang agama dan undang-undang (Sarah Dina Mohd Adnan, Mohd Adib Ismail, 2013).

Cabaran Menangani Jenayah Rasuah

Sejak sedekad yang lalu, pelbagai usaha dan strategi telah dilaksanakan bagi menangani jenayah rasuah di Malaysia. Antaranya adalah pindaan undang-undang terhadap Akta Pencegahan Rasuah 1961 (Prevention of Corruption Act 1961) yang digantikan dengan Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Anti-Corruption Act 1997). Badan Pencegah Rasuah yang telah ditubuhkan sejak tahun 1967 juga telah dibubarkan dan digantikan dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Abdul Rahman, Yeon, Ayub, & Ahmad Shariff, 2014). Namun begitu, terdapat juga cabaran yang menjadi faktor penghalang untuk merealisasikan usaha ke arah membanteras jenayah rasuah di Malaysia. Nazirah Hassan (2021) mendapati antara cabaran utama untuk membendung jenayah rasuah terutamanya di negara Asia adalah kekangan dedikasi kerajaan (Hassan, 2021). Ahmad Zaki (2001) pula menyenaraikan beberapa faktor utama yang menghalang kejayaan dalam usaha membanteras jenayah rasuah di Malaysia adalah seperti berikut:

i. Permasalahan Politik Wang

Trend rasuah politik atau biasa disebut 'politik wang' yang banyak melibatkan golongan politik adalah sangat membimbangkan. Oleh itu, jika budaya yang dikatakan berkembang sejak kebelakangan ini tidak ditangani, maka ianya akan membawa kecelakaan kepada agama, bangsa dan negara. Selain itu, jika sikap tidak berintegriti ini berterusan, ianya akan mengakibatkan negara Malaysia dipimpin oleh pemimpin yang tamak dan tidak bertanggungjawab.

ii. Persepsi Umum Terhadap Rasuah-Rasuah Dianggap Pelanggaran Etika Sosial Sahaja

Masyarakat berpendapat bahawa masalah rasuah bukanlah jenayah dan ianya hanyalah sebagai satu masalah pelanggaran etika kerja sahaja. Hal ini tidak sepatutnya berlaku kerana majoriti masyarakat di Malaysia adalah beragama Islam yang seharusnya memandang hina terhadap perbuatan rasuah. Pengharaman rasuah juga telah dinyatakan oleh Rasulullah SAW di dalam hadis beliau yang diriwayatkan oleh Ahmad yang bermaksud: "Wahai Ka'ab bin 'Ujrah: Tidak masuk syurga sesiapa yang tumbuh pada dagingnya daripada sesuatu yang haram, nerakalah lebih utama baginya". Hadis Rasulullah SAW tersebut telah membuktikan bahawa rasuah adalah haram. Oleh itu, masyarakat Islam perlu dididik untuk memandang jijik terhadap rasuah sebagaimana pengharaman daging khinzir. Memandangkan golongan yang banyak terlibat dalam kegiatan rasuah adalah orang Islam, maka persepi mengenai rasuah yang hanya dianggap sebagai pelanggaran etika sosial haruslah diubah.

iii. Masalah Pengesanan

Jenayah rasuah merupakan jenayah yang melibatkan kerahsiaan dan keuntungan bagi kedua-dua pihak yang terlibat dalam memberi dan menerima rasuah. Oleh itu, jenayah rasuah menjadi jenayah yang

sukar dikesan kerana kurangnya saksi yang tampil untuk memberi keterangan. Selain itu, rasuah sukar dikesan kerana kebanyakan agensi syarikat kerajaan dan swasta lebih menumpukan perhatian kepada pembangunan dan keuntungan. Hal ini menyebabkan aspek penguatkuasaan dan disiplin kurang diberi perhatian dengan sewajarnya.

iv. Melindungi Perbuatan Rasuah

Kebanyakan organisasi bimbang akan imej mereka yang tercemar disebabkan oleh jenayah rasuah tersebut. Oleh itu, mereka lebih memilih untuk tidak melaporkan penyelewengan yang berlaku dalam organisasi mereka. Sikap ini juga boleh dianggap sebagai bersubahat dalam jenayah rasuah dan ia perlu dikikis dan digantikan dengan satu pendirian yang tegas dan tidak berkompromi.

v. Budaya Mengaut Keuntungan Tanpa Etika

Terdapat sebilangan peniaga dan usahawan yang sanggup mengenyepikan kepentingan dan nyawa orang ramai. Contohnya, kejadian runtuh bangunan dan sebagainya berlaku disebabkan oleh pihak berkuasa yang gagal melaksanakan tanggungjawab mereka kerana sogokan yang diterima. Penularan budaya mengaut keuntungan tanpa etika ini bukan sahaja membebankan rakyat miskin, malah ianya turut mengancam nyawa dan keselamatan negara.

KESIMPULAN

Kesimpulannya jenayah rasuah merupakan jenayah kolar putih yang semakin merebak sehingga boleh memberikan kesan buruk kepada agama bangsa dan negara. Jenayah yang melibatkan golongan pegawai atasan sama ada dalam sektor pekerjaan awam atau pekerjaan swasta ini seharusnya dibendung dan dibanteras dengan sebaiknya. Dalam usaha membanteras jenayah rasuah ini, faktor-faktor terjadinya gejala rasuah hendaklah diteliti agar ianya dapat dibendung daripada berlaku. Pihak berwajib dalam sesebuah organisasi perlu memainkan peranan penting dalam menguatkuasakan etika kerja dan disiplin yang sesuai untuk dipatuhi. Selain itu, tindakan tegas hendaklah diambil terhadap pekerja yang melakukan jenayah berat seperti rasuah, penyelewengan wang atau pecah amanah dalam sesebuah organisasi. Namun begitu, kelompongan yang dikenal pasti hasil daripada tinjauan literatur ialah kekurangan kajian lanjut mengenai keberkesanan penguatkuasaan undang-undang jenayah rasuah di Malaysia serta kesannya menurut perspektif Maqasid Syariah.

RUJUKAN

- Afriadi Sanusi, Sharifah Hayaati Syed Ismail. (2016). Analisis Strategi Membanteras Rasuah Menurut Islam. *Online Journal Research In Islamic Studies* , 2.
- Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694). (2019). Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia Di Bawah Kuasa Akta Penyemakan Undang-Undang 1968.
- Al-Attas, S. H. (2002). *Rasuah, Sifat Sebab dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Bustamami, A. Y. (2006). *Kamus al-Mukhtar*. Selangor: Crescent New.
- al-Muqri, A. b. (t.t). *al-Misbah al-Munir*. Beirut: al-Maktabah al-Ilmiyyah.
- Al-Rahuniyy, M. B. (t.th.). *Hashiah Al-Rahuniyy 'Ala Sharh Al-Zurqaniyy*. Bayrut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- al-Sally, N. B. (2015). *Ar-Rasywah, Adda' wa Addawa'*. Kaherah: Dar Salam.
- Al-Suyutiyy, J. A.-D.-R. (t.th). *Al-Ashbah Wa Al-Naza'ir*. Bayrut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- al-Zuhayli, W. B. (1418 H). *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj*. Damsyik: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Astin, A. W. & Astin, H.S. (2000). *Leadership Reconsidered : Engaging higher education in social change* . Battle Creek, MI: W.K. Kellogg Foundation.

- Azman Ab Rahman, Lutfi Mohamed Zain, Nur Wahida Lokman, Syed Mohd Najib Syed Omar, Setiyawan Gunardi. (2022). Analisis Faktor-Faktor Gejala Rasuah Dan Cabaran Menanganinya Di Malaysia. *Malaysian Journal Of Syariah and Law*, 92-94.
- Azman Ab Rahman, Lutfi Mohamed Zain, Nur Wahida Lokman, Syed Mohd Najib Syed Omar, Setiyawan Gunardi . (2022). Pendekatan Menangani Rasuah Menurut Maqasid Syariah. *Al-Qanatir : International Journal Of Islamic Studies*, 18.
- Azrae, A. N., Megat Latif, H. H. & Mohamed, K. (2018). Penglibatan Rasuah Di Kalangan Agensi Penguatkuasaan Kerajaan : Satu Analisis Laporan Berita Tempatan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3.
- Daud, E. (2019). Faktor-Faktor Dalaman Yang Mempengaruhi Niat Individu Untuk Mengamalkan Rasuah Di Kalangan Penjawat Awam Pihak Berkuasa Tempatan. *Jurnal Kemanusiaan*, 1.
- Abdul Rahman, Rohana and Yeon, Asmah Laili and Ayub, Zainal Amin and Ahmad Sharif, Nurretina (2014). Kajian Tinjauan Tren Dan Pelaksanaan Undang-Undang Rasuah Di Malaysia. *PROCEEDINGS THE UUM INTERNATIONAL CONFERENCE ON GOVERNANCE (ICG) 2014* (p. 665). Sintok: Institute for Governance and Innovation Studies UUM College of Law, Government and International Studies.
- Nazirah Hassan (2021). Rasuah Dalam Penguatkuasaan Undang-Undang Di Asia Tenggara: Satu Tinjauan Skop. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 197.
- Heywood, P. (1997). Political Corruption : Problems and Perspective. *Journal of Political Studies*, 417-435.
- Dato' Ahmad Zaki Hj. Husin (2001). *Pembanterasan Jenayah Rasuah Di Malaysia Isu dan Cabaran*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Izawati Wook, Arif Fahmi Md Yusof & Hasnah Hj. Haron (2022). *Rasuah Dan Integriti Dalam Pentadbiran Awam Di Malaysia: Sorotan Literatur*. Universiti Teknologi MARA Press.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Online* . (n.d.).
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kronqvist, C., Runesson, H., dan Sorgard, J. (2018, Ogos 21). *Vad är ekobrott? Brottsförebyggande Rådet, Stockholm: Gotab, dirujuk dalam The World Bank*. (n.d.). A qualitative content analysis of anti-corruption strategies 1997 – 2006. Retrieved from <https://www.diva-portal.org/smash/get/diva2:448599/FULLTEXT01.pdf>
- Megat Ayop, M.A., Abd. Halim, A. (2016). Kepentingan Budaya Integriti dan Etika Kerja dalam Organisasi di Malaysia: Suatu Tinjauan Umum. *GEOGRAFIA Online: Malaysian Journal of Society and Space* 12(9), 138-149.
- Mohamad Ezam Mohd Nor, Sapto Waluyo. (2015). *Islam Dan Perbendaharaan Kisah Dan Teladan*. Putrajaya: Kementerian Kewangan Malaysia .
- Mohamad Izzuan Mohd Ishar, Fatin Afiqah Md Azmi, Muhammad Hafizuddin Mokhtar, Abdul Rahim Risal, Mazilah Abdullah, Khirul Ikhwan Ibrahim, Mohd Faizal Fadzullah Elias, Zulhilmi Mohd Abd Hamid, Mohd Fuad Jaafar, Nur Fatimah Mustari (2021). Amalan Tidak Berintegriti: Remeh Tapi Salah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 218.
- Mohammad. Taqiuddin bin Mohamad, Mohd. Hafiz bin Abdul Wahab. (2008). Rasuah dan Pertumbuhan Ekonomi: Perbandingan antara Indonesia dan Malaysia. *International Conference Islamic Economic And Social Justice: Reinforcing Equity For The Common Well-Being* (p. 2). Kediri, Indonesia: Universiti Malaya .
- Munohsamy, T. (2015). Integriti Dalam Organisasi Pendidikan. 6.
- Ng, D. (2006). *The Impact of Corruption on Financial Markets*. Retrieved from www.emeraldinsight.com/0307-4358.htm
- Nor Hashimah Jalaluddin, Rozaimah Rashidin. (2008). Rasuah Dalam Karya Sastra Melayu Klasik: Satu Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal e-Bangi (Jurnal Elektronik Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan)*.
- Noraida Harun, Jady@Zaidi Hassim. (2017). Rasuah Dalam Pentadbiran Tanah: Penyelesaian Menurut Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 42.
- Nur Syakiran Akmal Ismail, Md Zawawi Abu Bakar. (2004). Rasuah....? Katakan tidak. *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004)* (p. 1). Hotel City Bayview Langkawi: Unpublished.

- Qaradhawi, Y. (2007). *Halal dan Haram, terj. Abu Sa'id al-Falahi*. Jakarta: Robbani Press.
- Quah, J. S. (1999). *Corruption in Asian Countries: Can It Be Minimized?* Public Administration Review.
- Rafizul Rozlee, Noor Azmi Mohd Zainol, Daud Mohamed Salleh, Zahimi Zainol Abidin (2020). *Kepimpinan Bertanggungjawab: Membentuk Model Berteraskan Spiritual Islam. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020) - Dalam Talian* (p. 2). Serdang: Universiti Pertahanan Nasional Malaysia .
- S, A. A. (1998). *Bahaya Korupsi Kepada Masyarakat Menurut Islam*. Jakarta: penerbit Al-Kautsar.
- Sarah Dina Mohd Adnan, Mohd Adib Ismail. (2013). *Impak Rasuah Kepada Pertumbuhan Ekonomi. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII*, (p. 250). Bangi.
- Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy, Asmak Ab. Rahman & Mohd Izani bin Mohd Zain (2009). *Penguatan Nilai dan Profesionalisme Di Kalangan Penjawat Awam Ke Arah Efektif Governan Di Malaysia . Jurnal Syariah*, 583.
- Yahya, N. (2008, Jun 14). *Koleksi Ilmiah Jakim*. Retrieved from [http://www.islam.gov.my/e-rujukan/lihat.php?jakim=2088-Koleksi Ilmiah Jakim](http://www.islam.gov.my/e-rujukan/lihat.php?jakim=2088-Koleksi%20Ilmiah%20Jakim)
- Yuen, B. (2004). *Safety and Dwelling in Singapore*.
- Yusof, H. B. (2014). *Rasuah Politik Dalam Kalangan Ahli Politik Di Malaysia* . 9.
- Zaharuddin A, R. (2008, Jun 12). *Gejala Rasuah dan Statistiknya di Malaysia* . Retrieved from <http://www.zaharuddin.net/>